From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SEFB PERKUKUH SINERGI AKADEMIK SERANTAU MENERUSI MOBILITI INBOUND PSU TRANG
Date: Tuesday, 15 September, 2026 1:38:03 AM
Attachments: image001.png
image004.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

15 SEPTEMBER 2026 / 3 RABIULAKHIR 1448H
==========

Berita oleh: Khairul Anuar Adnan
Gambar oleh: Muhamad Syazwi Sholihin

SEFB PERKUKUH SINERGI AKADEMIK SERANTAU MENERUSI MOBILITI INBOUND PSU TRANG



UUM ONLINE: Sintok, 13 September 2026: Universiti Utara Malaysia (UUM) terus memperkukuh agenda pengantarabangsaan menerusi Program Mobiliti Inbound bersama Fakulti Perdagangan dan Pengurusan, Prince of Songkla University (PSU), Kampus Trang, Thailand yang berlangsung dari 13 hingga 15 September 2026.

Program anjuran Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB) itu menghimpunkan delegasi seramai 67 orang yang diketuai oleh Penolong Profesor Dr. Suranai Chuairuang.
Delegasi tersebut terdiri daripada 58 pelajar, tujuh pensyarah dan dua staf pengiring. Daripada keseluruhan pelajar, seramai 31 orang mengikuti Program Perakaunan, manakala 27 orang lagi merupakan pelajar Program Teknologi Maklumat Perniagaan.





Kehadiran delegasi itu diraikan menerusi sesi sambutan yang berlangsung di Dewan Seminar B, Pusat Konvensyen UUM.

Timbalan Dekan Akademik dan Antarabangsa SEFB, Dr. Diara Md Jadi yang mewakili Dekan SEFB, Profesor Madya Dr. Rasidah Mohd Rashid menyampaikan ucapan alu-aluan pada majlis tersebut.
Dalam ucapannya Dr. Diara berkata, hubungan antara UUM dan PSU Kampus Trang telah lama terjalin menerusi pelbagai inisiatif termasuk program mobiliti pelajar dan staf, SEFB International Summer School, lawatan penandaarasan staf akademik PSU Trang, seminar serta perkongsian akademik.

“Hubungan ini membuktikan komitmen kedua-dua universiti dalam memperluas jaringan akademik dan memperkasa perkongsian ilmu.



“Saya percaya program seperti ini akan terus memperkukuh kerjasama strategik antara UUM dan PSU, khususnya PSU Kampus Trang, sekali gus menyumbang kepada hubungan yang lebih erat antara Malaysia dengan Thailand,” katanya.

Menurutnya, program itu turut membuka ruang kepada peserta untuk berkongsi pengetahuan, bertukar pengalaman serta mengenali sistem pendidikan dan kepelbagaian budaya di Malaysia.
Sementara itu, Penolong Profesor Dr. Suranai yang mewakili PSU Kampus Trang merakamkan penghargaan kepada SEFB dan UUM atas sambutan mesra serta layanan baik yang diberikan kepada seluruh delegasi sepanjang berada di kampus UUM.

Beliau menyifatkan keramahan dan komitmen warga UUM dalam menjayakan program itu sebagai sesuatu yang amat bermakna kepada delegasi berkenaan.

“Kami amat terharu dengan sambutan dan layanan yang diberikan sejak ketibaan di UUM. Segala persiapan, keramahan dan komitmen yang ditunjukkan menjadikan kunjungan ini satu pengalaman yang sangat bermakna kepada para pelajar, pensyarah dan staf pengiring PSU Kampus Trang,” katanya.

Sesi berkenaan diteruskan dengan taklimat program akademik dan mobiliti SEFB oleh Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni SEFB, Dr. Edie Erman Che Johari.

Para peserta turut menyaksikan tayangan sorotan SEFB–PSU International Summer School yang memaparkan perjalanan kerjasama kedua-dua institusi dari 2019 hingga 2026.



Delegasi kemudiannya mengikuti sesi perkongsian bertajuk “AI and Digital Business: Building Future-Ready Startups!” yang disampaikan oleh Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM), Ts. Dr. Mathivannan A/L Jaganathan.

Sesi sambutan diakhiri dengan penyampaian cenderahati dan sesi fotografi bersama delegasi PSU Kampus Trang serta warga SEFB.

Para peserta kemudiannya mengikuti dua bengkel selari dalam bidang perakaunan dan teknologi maklumat yang dikendalikan oleh barisan pensyarah Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA-UUM) dengan penyelarasan oleh Dr. Mohd Hadafi Sahdan.

Program tiga hari itu turut merangkumi lawatan pembelajaran ke sebuah syarikat teknologi maklumat di Pulau Pinang, selain kunjungan ke beberapa tarikan tempatan seperti Bukit Bendera, Gurney Plaza, “Penang Street Art” George Town, Chew Jetty dan lain-lain. Gabungan pengisian akademik, teknologi dan budaya itu bukan sahaja memperkaya pengalaman antarabangsa peserta, malah mengukuhkan kedudukan UUM sebagai destinasi pilihan bagi program mobiliti dan kerjasama akademik serantau.



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.